

Date and Time: Thursday, 4 December 2025 3:01pm +08

Job Number: 269757216

Document (1)

1. [Fathin Nur Syafira bt Pauzi \(berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources\) lwn Majlis Daerah Pasir Mas \[2022\] MLJU 3173](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: "azzan"

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-



FATHIN NUR SYAFIRA BT PAUZI (BERNIAGA DI BAWAH GAYA DAN NAMA DUTA EMPIRE RESOURCES) v MAJLIS DAERAH PASIR MAS

CaseAnalysis
| [2022] MLJU 3173

[Fathin Nur Syafira bt Pauzi \(berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources\) Iwn Majlis Daerah Pasir Mas \[2022\] MLJU 3173](#)

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU)
MOHAMAD ABAZAFREE MOHD ABBAS PK
GUAMAN SIVIL NO DA-21NCvC-12-09 TAHUN 2020
15 December 2022

***Azzan** Aznan bin Abdul Rahim (Syazwan, Hafiz & Azeel Eskandar) bagi pihak plaintif.
Azahir Nasir (Nur Alyaa bt Mohd Zain bersamanya) (Azahir Surainie & Azizan Ariff) bagi pihak defendan.*

Mohamad Abazafree Mohd Abbas PK:

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Kes ini melibatkan tuntutan Plaintiff rentetan dari serbuan pada 3/4/2020 yang dibuat oleh pekerja dan/atau ejen Defendan terhadap premis Plaintiff. Di dalam serbuan tersebut Plaintiff telah dikenakan kompaun dan barang-barang jualan vape di premis Plaintiff telah disita.

[2] Tuntutan Plaintiff adalah sebagaimana yang diplidkan dalam perenggan 18 Pernyataan Tuntutan seperti berikut:

- (a) satu deklarasasi bahawa pengeluaran kompaun bertarikh 03.04.2020 adalah salah dan tidak teratur serta suatu penyalahgunaan kuasa menurut Undang-Undang-Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Pasir Mas 2004;
- (b) satu deklarasasi bahawa penyitaan barang-barang di dalam premis Plaintiff oleh Defendan pada 03.04.2020 adalah salah dan tidak teratur serta suatu penyalahgunaan kuasa menurut Undang-Undang-Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Pasir Mas 2004;
- (c) bahawa Defendan perlu membayar gantirugi bagi barang rampasan sebanyak RM145,000.00 kepada Plaintiff;
- (d) bahawa Defendan perlu membayar gantirugi bagi kerugian pendapatan masa hadapan sebanyak RM43,500.00 kepada Plaintiff; dan
- (e) gantirugi am yang akan ditaksir oleh Mahkamah yang Mulia ini

[3] Semasa perbicaraan, saksi-saksi yang dipanggil oleh kedua-dua pihak adalah seperti berikut:

Saksi-saksi Plaintiff

- (a) Fathin Nur Syafira Binti Pauzi (SP1)
- (b) Aminuddin Bin Ismail (SP2)

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

(c) Mohd Tarmimi Bin Mat Zain (SP3)

Saksi-saksi Defendan

(a) Mohd Eliff Ashraf Bin Nor Azman (SD1)

(b) Wan Zairin Bin Wan Zain (SD2)

(c) Mohd Solahuddin Bin Che Harun (SD3)

Fakta Kes

[4] Secara amnya, fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (a) Pada 3.4.2020 jam lebih kurang 9.13 malam, satu pasukan penguatkuasa yang terdiri daripada pelbagai agensi antaranya Defendan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan RELA menjalankan operasi rondaan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau dikenali Operasi Task Force telah menyerbu premis perniagaan Plaintiff kerana disyaki melanggar PKP;
- (b) Semasa pasukan penguatkuasa tersebut tiba di premis tersebut, hanya Mohd Tarmimi bin Mat Zain (SP3) yang berada di dalam premis;
- (c) Di dalam operasi tersebut, Wan Zairin bin Wan Zain (SD2) telah mengeluarkan kompaun ke atas Plaintiff di atas kesalahan di bawah Peraturan 5(2) Undang-Undang Kecil, Tred Perniagaan dan Perindustrian MDPM 2004 ("UUK 2004") iaitu kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat lesen dan melanggar PKP (selepas ini dirujuk sebagai "kompaun tersebut");
- (d) Selanjutnya, pihak Defendan juga telah menyita kesemua barang-barang vape yang terdapat di dalam premis Plaintiff dan memasukkan barang vape tersebut ke dalam 5 plastik hitam dan satu tong berwarna hitam. Kesemuanya diletakkan di atas sebuah kereta pacuan 4 roda berjenama Hilux milik Defendan;
- (e) Semasa proses sitaan tersebut, tiada sebarang borang inventori diserahkan oleh Defendan kepada SP3. Barang-barang tersebut diambil satu persatu tanpa ada sebarang rekod mahupun penandaan dilakukan oleh Defendan; dan
- (f) Pada 14.05.2020, SP1 dan SP2 telah hadir ke pejabat Defendan untuk membayar keseluruhan kompaun dan denda berjumlah RM 2,750.00 dan menuntut kembali barang-barang yang telah disita.

[5] Berdasarkan fakta-fakta ini, pihak-pihak bersetuju bahawa isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini adalah:

- (a) sama ada tindakan Defendan menggeledah premis Plaintiff, menyita barang-barang vape Plaintiff dan selanjutnya mengeluarkan kompaun bertarikh 3/4/2020 adalah sah dan teratur ataupun merupakan satu salahguna kuasa; dan
- (b) sama ada Defendan bertanggungjawab ke atas kerugian yang dialami oleh Plaintiff dan wajar dipampas.

Analisis dan dapatan Mahkamah

Isu pertama; sama ada tindakan Defendan adalah sah dan teratur di sisi undang-undang

Bidangkuasa Defendan

[6] Adalah satu prinsip perundangan yang mantap bahawa setiap pihak yang berkuasa mempunyai had di dalam melaksanakan bidangkuasanya. Perkara ini disentuh oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan v Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1978] 1 LNS 143; [\[1979\] 1 MLJ 135](#) seperti berikut:

"Every legal power must have legal limits, otherwise there is dictatorship. In particular, it is a stringent requirement that a discretion should be exercised for a proper purpose, and that it should not be exercised unreasonably. In other words, every discretion cannot be free from legal restraint; where it is wrongly exercised, it becomes the duty of the courts to intervene."

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

[7] Keputusan Mahkamah Persekutuan ini telah dirujuk oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Hew Kuan Yau v Menteri Dalam Negeri* [2022] 8 CLJ 880 yang menyatakan;

“[12] In our respectful opinion, the fact that Parliament had given “absolute discretion” under [s. 7](#) to proscribe publications that are deemed undesirable does not necessarily immunise the Minister’s decision from judicial review. The Minister can still be held to have committed an error of law in the exercise of the discretion if the decision in question can be challenged on the ground of “illegality, irrationality, procedural impropriety and proportionality”. To hold otherwise would mean that the jurisdiction of the court is effectively ousted even though there is no ouster clause in the PPPA. This issue was addressed in the Court of Appeal case of *Sepakat Efektif Sdn Bhd v. Menteri Dalam Negeri & Anor and Another Appeal* [2015] 2 CLJ 328. It was also a book banning case under [s. 7\(1\)](#) of the PPPA. Mohamad Ariff Yusof JCA said as follows in respect of the words “absolute discretion” and the absence of an ouster clause in PPPA:

Despite the seeming breadth of the Minister’s power and discretion, the PPPA does not purport to provide an exclusion clause for a [s. 7](#) exercise of discretion. In other words, there is no statutory provision to disallow challenge in a court of law on the ground that the Minister’s decision shall be final and should not be questioned in any court of law on any ground whatsoever.

[13] In the latter case of *Mohd Faizal Musa v. Menteri Keselamatan Dalam Negeri* [2018] 9 CLJ 496, some books were banned by the Minister after he relied on a decision of the Jawatankuasa Fatwa. The Court of Appeal speaking through Zaleha Yusof JCA (later FCJ), cited the well-known case of *Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1978] 1 LNS 143; [\[1979\] 1 MLJ 135](#) and said that although the discretion of the Minister in [s. 7\(1\)](#) is stated to be absolute, “such discretion must also have legal limits to avoid it being abused”.

[8] Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Defendan adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). [Seksyen 102](#) Akta 171, membenarkan Defendan untuk membuat Undang-Undang Kecil (UUK) dan bagi kes ini, UUK yang berkaitan adalah Undang-undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Pasir Mas 2004 (UUK 2004). Ia juga perlu dibaca bersama-sama [seksyen 104](#) Akta 171 yang memberi kuasa kepada Defendan untuk mengenakan hukuman bagi sebarang kesalahan ke atas UUK.

[9] Di dalam melaksanakan UUK tersebut, Defendan turut diberikan kuasa untuk memasuki premis serta mendapatkan maklumat berkaitan dari penghuni premis. Ini dinyatakan di bawah [seksyen 110](#) dan [111](#) Akta 171 yang diperturunkan seperti berikut:

“Seseorang pegawai sesuatu pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya boleh pada setiap masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis dalam kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan kerja, yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan.”

[10] Sebagai sebuah PBT, Defendan adalah tertakluk kepada arahan- arahan yang boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dari masa ke semasa selagimana ianya tidak bertentangan dengan sebarang peruntukan di bawah Akta 171. [Seksyen 9\(1\)](#) Akta 171 menyatakan:

“Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada pihak berkuasa tempatan arahan am, dan yang tidak berlawanan dengan Akta ini, mengenai dasar yang hendak diikuti dalam menjalankan kuasa yang diberi dan kewajipan yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini kepada atau ke atas pihak berkuasa tempatan itu berhubung dengan perkara yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri menyentuh kepentingan kawasan pihak berkuasa tempatan itu, dan pihak berkuasa tempatan itu hendaklah menguatkuasakan semua arahan itu dengan seberapa segera yang boleh.”

Pemeriksaan oleh Defendan ke atas premis Plaintiff

[11] Berdasarkan kepada D12 dan D13, Mahkamah mendapati bahawa PBN melalui surat yang telah ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah memberi arahan agar pihak PBT melaksanakan pengharaman penjualan vape di kawasan PBT di dalam negeri Kelantan.

[12] Mahkamah berpandangan bahawa D12 dan D13 ini adalah merupakan satu arahan am yang perlu dilaksanakan oleh PBT. Ia diberikan pada tahun 2015 dan Mahkamah mendapati bahawa keperluan untuk mengemukakan notis kepada pengusaha atau peniaga vape di dalam tempoh 14 hari adalah hanya untuk

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

dikuatkuasakan pada tempoh tersebut. Selepas dari tempoh tersebut, PBT adalah berhak untuk menguatkuasakan polisi yang telah ditetapkan oleh PBN ini.

[13] Polisi atau arahan ini telah kemudiannya terus dilaksanakan oleh PBT seperti penguatkuasaan arahan-arahan lain dari masa ke semasa.

[14] Selanjutnya Mahkamah turut menimbangankan berkaitan operasi yang dijalankan oleh Defendan pada malam tersebut iaitu pada 3/4/2020. Mahkamah mengambil maklum bahawa ianya dijalankan berdasarkan kepada situasi negara pada ketika itu yang menghadapi wabak Covid-19.

[15] Sebagaimana keterangan di dalam Pernyataan Saksi SD1 (PSD1) dan SD2 (PSD2), operasi pada malam tersebut adalah operasi bersama Defendan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Tanah Jajahan Pasir Mas, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan RELA adalah untuk memastikan pematuhan prosedur operasi standard "Standard Operation Procedure" (SOP) bagi mencegah penularan COVID-19. Ia selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negera ("MKN") dan Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 P.U. (A) 109 dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 serta Akta Polis 1967.

[16] Mahkamah turut mengambil maklum bahawa PKP Tahap 2 telah dilaksanakan dan pada tarikh itu. MKN telah memaklumkan kesemua individu tidak dibenarkan keluar rumah selepas jam 8.00 malam melainkan beberapa sektor dan sekiranya ingkar boleh dikenakan kompaun oleh pihak berkuasa. Arahan tersebut adalah sepertimana Soalan Lazim Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara sewaktu PKP.

[17] Berdasar kepada keterangan PSD1 dan PSD2, operasi pada malam tersebut diketuai Encik Rohi daripada KKM yang mana antara tujuan rondaan adalah untuk memantau pergerakan oleh kenderaan, individu dan sebarang operasi kedai dan lain-lain melebihi jam 8 malam. Menurut keterangan ketika melintasi premis Plaintiff yang beralamat di Lot 2356, Kampung Kubang Rambutan 17200 Rantau Panjang, Kelantan, Pegawai Defendan dan/atau Pegawai daripada Jabatan lain ada melihat kelibat 2-3 orang individu dilihat dari luar kerana premis Plaintiff yang bercahaya. Pegawai-pegawai Defendan dan Pegawai Penguatkuasa yang lain telah berpatah balik dan kemudiannya berhenti dihadapan premis tersebut.

[18] Bidangkuasa Defendan untuk memasuki dan memeriksa telah dinyatakan di bawah UUK 2004 dengan jelas seperti berikut:

Kuasa untuk memeriksa

31. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh pada bila-bila masa-

- (a) Memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau Yang Dipertua atau pegawainya percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud tred perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah undang- undang kecil ini.
- (b) Meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian dan pemegang lesen atau pekerjaanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

[19] Oleh yang demikian, secara amnya Defendan mempunyai kuasa untuk memasuki premis Plaintiff bagi maksud untuk membuat pemeriksaan sekiranya pegawai atau ejen Defendan percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud tred perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah UUK ini.

Pengeluaran kompaun ke atas Plaintiff

[20] Selanjutnya SD1 dan SD2 dalam keterangan mereka telah menyatakan premis tersebut telah digunakan untuk perniagaan vape dan peralatannya sedangkan penjualan vape adalah tidak dibenarkan. Sebaliknya SP3 memaklumkan pada masa itu bahawa beliau tiada pengetahuan dan baru sahaja mula berniaga. SD2 kemudiannya telah meminta SP3 untuk mengemukakan lesen perniagaan dan SD2 mendapati lesen premis perniagaan atas nama Plaintiff adalah untuk kedai telefon dan aksesori.

[21] SD2 kemudiannya telah mengeluarkan kompaun sebagaimana Ekshibit P2 di mana Defendan telah

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

menyatakan secara spesifik kesalahan Plaintiff iaitu melanggar syarat-syarat lesen dan ianya turut menjadi kesalahan kerana telah melanggar syarat PKP. Pengeluaran kompaun ini adalah di atas kuasa yang dinyatakan didalam [Seksyen 33](#) UUK 2004 yang menyatakan:

Kuasa mengkompaun

33. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dinyatakan di bawahnya dengan memberi tawaran mengkompaun kesalahan dalam Jadual dan dengan menerima sejumlah wang tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit sahaja.

Penyitaan di dalam premis Plaintiff

[22] Selepas SD2 mengeluarkan kompaun, Plaintiff telah dimaklumkan bahawa barang-barang vape ini akan disita dan proses untuk menyita barang-barang tersebut telah dijalankan. Berdasarkan kepada Seksyen 34 UUK 2004, Defendan diberikuasa untuk menyita barang-barang yang dijual di tempat yang lesen perniagaannya bukan sepertimana syarat lesen. Ia dinyatakan seperti berikut:

Penyitaan

34.(1) Apa-apa barang atau benda yang digunakan berhubung dengan mana-mana tred, perniagaan atau perindustrian tanpa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini boleh disita oleh Yang Dipertua dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua dan dipindahkan atau ditahan atas risiko pemunya, di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(2) Apa-apa barang atau benda mudah rosak yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan serta-merta mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Bidangkuasa SD1 dan SD2 melaksanakan pemeriksaan, mengkompaun dan menyita barang-barang Plaintiff

[23] Bidangkuasa SD1 dan SD2 adalah merupakan teras ke atas kes ini. Adalah menjadi pendirian Plaintiff bahawa di bawah [Seksyen 31](#), [33](#) dan [34](#) UUK 2004, ia menyatakan dengan jelas bahawa kuasa tersebut hanya boleh dilaksanakan oleh Yang Dipertua (YDP), Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis. Cabaran utama Plaintiff adalah ke atas pengeluaran kompaun oleh SD2 serta penyitaan oleh SD1.

[24] Peguam Plaintiff telah membawa perhatian Mahkamah ini ke atas keputusan Mahkamah Rayuan (MR) di dalam kes *Majlis Bandaraya Shah Alam v Only One Foot Reflexology Sdn Bhd* [2017] 7 CLJ 557. Di dalam kes MR ini, Perayu telah mengeluarkan dua notis kompaun terhadap Responden, iaitu bagi kesalahan mengiklankan perkhidmatan tanpa lesen kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan untuk kesalahan menyediakan terapi di premis perniagaannya, yang tidak dinyatakan dalam lesen. Perayu, melalui pegawai penguatkuasanya, juga merampas 12 tilam dari premis Responden. Responden mempertikaikan kompaun serta rampasan tilam-tilamnya dengan menyatakan bahawa tindakan Perayu telah mengganggu operasi perniagaannya serta merosakkan reputasi Responden sehingga mengakibatkan kehilangan pendapatan. Responden memfailkan tuntutan di Mahkamah Tinggi dan memohon pengisytiharan bahawa pengeluaran kompaun adalah salah dan penyalahgunaan kuasa menurut Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 ('Undang-undang Kecil 2007') dan perintah untuk mentaksir ganti rugi khas dan umum.

[25] Hakim Nallini Pathmanathan HMR (pada ketika itu) telah menegaskan berkenaan penurunan kuasa dan peruntukan berkaitan "pegawai yang diberi kuasa" seperti berikut:

"[31] The City Council contended in essence that there was no requirement to produce authorisation in writing from the Mayor to the health care and beauty centre prior to conducting an inspection of the premises as there was no provision either under the Local Government Act 1976 or the by-laws for the enforcement unit to produce such authorisation in writing prior to carrying out inspection. Further, it was contended that it was unreasonable to require the Mayor to issue authorisation in writing every time an inspection needed to be carried out. In support of this, the City Council relied on the English Court of Appeal case of *Carltona Ltd v. Commissioners of Works* [1943] 2 All ER 560 (Carltona 's case) where it was held that the duties imposed upon ministers and the powers given to ministers are normally exercised under the authority of the Ministers by responsible officials of the department.

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

[32] In Carltona 's case, the appellants Carltona Ltd were manufacturers of food products. Their factory was requisitioned by the Commissioners of Works under the provisions of the Defence (General) Regulations 1939 more particularly [reg. 51\(1\)](#). The appellants commenced proceedings against the commissioners questioning the validity of the order of the commissioners of works, disputing inter alia that the notice issued to them in relation to the requisitioning of their premises. It was contended that the requisitioning authority had not brought their minds to bear upon the question of the requisition and if they had, they could not have come to the conclusion which they did.

[33] [Regulation 51\(1\)](#) is in these terms:

A competent authority, if it appears to that authority to be necessary or expedient so to do in the interests of the public safety, the defence of the realm or the efficient prosecution of the war or for maintaining supplies, and services essential to the life of the community, may take possession of any land, and may give such directions as appear to the competent authority to be necessary or expedient in connection with the taking of possession of that land.

[34] The specific passage relied upon in this context reads as follows:

In the administration of government in this country the functions which are given to ministers (and constitutionally properly given to ministers because they are constitutionally responsible) are functions so multifarious that no minister could ever personally attend to them. To take the example of the present case no doubt there have been thousands of requisitions in this country by individual ministries. It cannot be supposed that this regulation meant that, in each case, the minister in person should direct his mind to the matter. The duties imposed upon ministers and the powers given to ministers are normally exercised under the authority of the ministers by responsible officials of the department. Public business could not be carried on if that were not the case. Constitutionally, the decision of such an official is, of course, the decision of the minister. The minister is responsible. It is he who must answer before Parliament for anything that his officials have done under his authority, and, if for an important matter he selected an official of such junior standing that he could not be expected competently to perform the work, the minister would have to answer for that in Parliament. The whole system of departmental organisation and administration is based on the view that ministers, being responsible to Parliament, will see that important duties are committed to experienced officials. If they do not do that, Parliament is the place where complaint must be made against them." (emphasis added)

[35] It is evident that Carltona 's case is readily distinguishable from the present case. It is clear that in each of these instances where an official undertakes or performs duties on behalf of the Minister, he is duly authorised by the Minister to do so. This amounts to a delegation of authority.

[36] In the instant case, however there was no evidence produced to show that the licensing authority, namely the Mayor or secretary, had delegated such power to the chief enforcement officer by way of subsidiary legislation; more significantly there was nothing to indicate that the chief enforcement officer was authorised in writing by the licensing authority to undertake the entry and inspection of the subject premises, let alone the search and seizure that subsequently followed. If indeed the chief enforcement officer was able to demonstrate that he had been so authorised, or that the powers of the licensing authority had been delegated to him, then this issue would never arise. The words of by-law 28 are express and clear. An official requires the authorisation in writing from the licensing authority to undertake an entry and inspection of the subject premises as a condition precedent to any enforcement exercise."

[penekanan ditegaskan]

[26] Semasa kes di peringkat Mahkamah Tinggi, Hakim Hashim Hamzah HMT (pada ketika itu) sepertimana yang dilaporkan sebagai *Only One Foot Reflexology Sdn Bhd v Majlis Bandaraya Shah Alam* [2015] 4 CLJ 701 telah menyatakan seperti berikut:

"[13] Kuasa yang diberikan adalah kepada 'licensing authority'. Di bawah Undang-Undang Kecil 2 Undang- Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 tafsiran 'licensing authority' adalah, "means the Mayor or Mayor or Secretary of a local authority or any officer authorised in writing by the Mayor or Mayor thereof". SD4 yang berjawatan Ketua Bahagian Penguatkuasaan MBSA yang mengetuai serbuan dan pemeriksaan ke premis plaintif dan mengeluarkan notis kompaun atas kesalahan di bawah Undang- Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 bukanlah seorang 'Mayor' ataupun 'Secretary of a local authority'. Oleh itu, kuasa SD4 yang berjawatan Ketua Bahagian Penguatkuasaan MBSA jatuh di bawah kategori pegawai

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

yang diberi kuasa secara bertulis oleh Mayor. Di dalam perbicaraan ini, tiada keterangan dikemukakan ke mahkamah tentang kuasa SD4 membuat serbuan dan pemeriksaan ke atas premis pusat kesihatan atau penjagaan kesihatan. Memandangkan bahawa tiada keterangan berkenaan kuasa SD4 membuat pemeriksaan dan serbuan tersebut, adalah nyata bahawa serbuan yang dijalankan oleh SD4 ke atas premis plaintif adalah nyata tidak menurut peruntukan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007.”

[penekanan ditegaskan]

[27] Berdasarkan kepada nas-nas di atas, peruntukan UUK 2004 adalah jelas menetapkan bahawa kuasa mengkompaun dan menyita adalah ke atas YDP atau Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Sekiranya kuasa ini hendak diwakilkan (delegate) kepada pegawai lain ia hendaklah melalui pemberian kuasa secara bertulis.

[28] Persoalannya adalah sama ada di dalam kes ini terdapat keterangan daripada Defendan berkenaan sebarang pemberian kuasa secara bertulis oleh YDP atau Setiausaha sama ada kepada SD1 mahupun SD2 atau apa-apa keterangan berkenaan perwakilan kuasa kepada mana-mana pegawai.

[29] Peguam Defendan menghujahkan bahawa di bawah [Seksyen 31, 33](#) dan [34](#) UUK 2004, kesemua pegawai penguatkuasa MDPM mempunyai kuasa untuk mengeluarkan kompaun dan menyita yang mana kuasa ini telah diturunkan oleh YDP apabila mereka dilantik menjadi ahli penguatkuasa dan bukti kuasa tersebut telah diturunkan adalah melalui kad kuasa mereka yang telah tercatat secara bertulis berkenaan dengan kuasa tersebut.

[30] Sekiranya Defendan berpegang kepada hujahan bahawa kuasa telah diturunkan oleh YDP semasa mereka dilantik menjadi ahli penguatkuasa, maka adalah menjadi tanggungjawab Defendan untuk mengemukakan surat perlantikan tersebut sebagai keterangan di Mahkamah ini. Tanpa pengemukakan surat tersebut, Mahkamah tidak dapat menilai sama ada surat tersebut mempunyai arahan sedemikian yang membolehkan Mahkamah merumuskan sama ada ianya mematuhi keperluan perundangan di bawah UUK 2004.

[31] Selanjutnya berkenaan kad kuasa, Mahkamah mendapati bahawa ia tidak diekshibitkan sebagai sebahagian dari keterangan. Ia hanya dikemukakan semasa pemeriksaan balas SD2 di mana pihak-pihak telah ditunjukkan kad kuasa ini. Mahkamah telah meneliti kad kuasa tersebut dan Mahkamah mendapati bahawa ia tidak dinyatakan secara jelas berkenaan “pemberian kuasa secara bertulis oleh YDP atau Setiausaha”, akan tetapi hanyalah dinyatakan pemegang kad kuasa boleh menjalankan tanggungjawab selaras dengan UUK.

[32] Persoalannya adalah sama ada ini memadai bagi memberi kuasa kepada SD1 dan SD2. Mahkamah mendapati bahawa baik Akta 171 maupun UUK 2004 tidak memperuntukkan secara khusus berkaitan kad kuasa. Oleh itu, ia pada pandangan Mahkamah bukanlah satu kad yang mempunyai kesan perundangan. Ia dikeluarkan bagi maksud untuk memberi maklumat kepada orang awam bahawa pemegang kad tersebut adalah merupakan seorang pegawai penguatkuasa yang dilantik oleh Defendan.

[33] Memandangkan kesemua peruntukan perundangan yang berkaitan mengkehendaki YDP atau Setiausaha untuk memberi kuasa secara bertulis maka, berdasarkan kepada nas-nas yang dikemukakan, Mahkamah ini terikat untuk memutuskan bahawa perlu wujud pemberian kuasa secara bertulis tersebut.

[34] Mahkamah telah meneliti keterangan-keterangan secara keseluruhannya dan mendapati bahawa Defendan gagal untuk mengemukakan keterangan bagi menunjukkan wujudnya pemberian kuasa ke atas SD1 maupun SD2. Oleh yang demikian, Mahkamah memutuskan bahawa SD1 dan SD2 tidak diberi kuasa yang sempurna di sisi undang-undang untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas premis Plaintif, mengeluarkan kompaun ke atas Plaintif dan menyita barang-barang vape milik Plaintif.

[35] Di dalam masa yang sama, Mahkamah turut mendapati bahawa kompaun yang dikeluarkan tersebut adalah turut mengelirukan. Ini boleh dilihat ke atas percanggahan di antara kompaun yang dikeluarkan di P2 dan P3 di mana di dalam borang inventori (P3) yang mana kesalahan yang disebut di dalam borang inventori tersebut adalah kesalahan di bawah [Seksyen 3\(1\)](#) manakala bagi kompaun yang dikeluarkan (P2) adalah di bawah [Seksyen 5\(2\)](#).

[36] Peguam Defendan menghujahkan bahawa ini tidak memberi kesan ke atas kesahihan kompaun yang dikeluarkan. Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujahan ini kerana kompaun adalah sebahagian dari proses pentadbiran keadilan jenayah ke atas Plaintif. Sepertimana keperluan sesuatu pertuduhan yang hendaklah jelas, kesalahan di dalam kompaun hendaklah juga dinyatakan secara jelas. Ia bagi membolehkan seseorang yang

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

dikompaun mengetahui serta faham kesalahan yang dilakukan. Sekiranya wujud percanggahan sebegini, ia akan memprejudis Plaintiff dan secara langsung memberi kesan ke atas kesahihan kompaun yang dikeluarkan.

Kesahihan Borang Inventori

[37] Mahkamah turut mendapati bahawa pihak Defendan melalui pegawai penguatkuasanya telah mengeluarkan Borang Inventori iaitu P3. Peguam Plaintiff mempertikaikan bahawa P3 tersebut telah dikeluarkan pada 15/5/2020 iaitu melebihi sebulan operasi dijalankan. Perkara ini menimbulkan persoalan besar ke atas kesahihan penyitaan yang dijalankan.

[38] Walaupun Mahkamah mendapati bahawa tiada peruntukan khusus yang diperuntukkan sama ada di bawah Akta 171 maupun UUK 2004 berkaitan keperluan penyediaan Borang Inventori, namun sebagai satu usaha wajar (*due diligence*), pegawai penguatkuasa wajar menyediakan satu Borang Inventori yang boleh menjelaskan barangan yang disita dengan terperinci. Walaubagaimanapun, Mahkamah berpandangan bahawa kecacatan Borang Inventori ini sahaja tidak boleh menjadikan tindakan penyitaan tersebut sebagai tidak sah.

Isu Kedua; sama ada Plaintiff layak untuk diawardkan gantirugi

[39] Di dalam kes **Only One Foot Reflexology Sdn Bhd v Majlis Bandaraya Shah Alam (supra)**, Hakim Hashim Hamzah HMT (pada ketika itu) di dalam alasan penghakimannya berkaitan gantirugi telah merujuk [seksyen 35](#) dan [seksyen 381](#) Undang-Undang Kecil 2007 dan menyatakan;

“[14] Isu seterusnya adalah berkaitan ganti rugi. Akibat daripada pemeriksaan dan serbuan ke premis Plaintiff yang tidak menurut kehendak undang-undang itu adakah membolehkan pihak Plaintiff mendapat ganti rugi. Terdapat dua peruntukan di dalam Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 yang berkaitan dengan liabiliti Majlis berkaitan ganti rugi atau kos. Peruntukan undang-undang kecil tersebut adalah Undang-Undang Kecil 35 dan Undang-Undang Kecil 38 yang masing-masing memperuntukkan bahawa:

35. No person shall be in any proceedings before any court in respect of any thing seized in the exercise of any power conferred under this By-Laws be entitled to the cost of such proceedings or to any damages or other relief unless such seizure was made without reasonable cause.

38. The Council or any authorised officer enforcing any of this By-Laws shall not be liable for any damage or any loss resulting from the said enforcement.

[15] Berkaitan isu ini adalah jelas sepertimana dinyatakan di atas bahawa pemeriksaan dan serbuan yang dilakukan oleh pihak Defendan melalui SD4 tidak mempunyai kuasa bertulis sepertimana dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. Memandangkan hal yang sedemikian pihak defendan adalah bertanggung ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak Plaintiff kerana serbuan tersebut dibuat secara salah.”

[40] Peruntukan yang sama walaubagaimanapun tidak diperuntukkan di bawah UUK 2004 dan di dalam keadaan di mana SD1 dan SD2 tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan tersebut, maka Mahkamah memutuskan bahawa Defendan adalah bertanggung untuk memberi pampasan gantirugi kepada Plaintiff.

[41] Walaubagaimanapun, undang-undang meletakkan beban ke atas Plaintiff untuk terlebih dahulu membuktikan tuntutan gantiruginya. Ini selaras dengan [seksyen 101](#), [102](#) dan [103 Akta Keterangan 1950 \(Akta 56\)](#) dan juga fakta-fakta yang material mestilah dinyatakan didalam pliding Plaintiff sepertimana yang diperuntukkan didalam A18 k7 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 (rujuk; *Letchumanan Chettiar Alagappan @ L Allagappan & Anor v. Secure Plantation Sdn Bhd* [2017] 3 MLRA 501; [\[2017\] 4 MLJ 697](#); [2017] 5 CLJ 418).

[42] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Tahan Steel Corporation Sdn Bhd v. Bank Islam Malaysia Bhd* [2012] 1 CLJ 959 telah menegaskan peri mustahak tuntutan gantirugi perlu dibuktikan apabila memutuskan:

“[47] The appellant/plaintiff is appealing against the award of nominal general damages in its favour amounting to RM50,000. Although this award is in favour of the appellant/plaintiff, nevertheless, the appellant/plaintiff is aggrieved by this award on the ground that this sum is manifestly inadequate. It is the contention of the appellant/plaintiff that the award of damages should not have been nominal; it ought to have been substantial.

[48] In the statement of claim, although there is a prayer for general damages (see para 33(10)), there is, however, no

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

prayer that the damages be assessed at a later stage by a separate inquiry (be it by the trial judge or by a registrar); nor did the appellant/plaintiff ask either at the trial or in submission before the High Court that the general damages be assessed at a later stage.

[49] Needless to say that the burden of proof on the issue of quantum lies on the appellant/plaintiff.”

[43] Tuntutan pertama Plaintiff adalah berkaitan gantirugi khas sebanyak RM145,000.00 iaitu kerugian bagi kehilangan barang sitaan dan RM43,500.00 sebagai kehilangan keuntungan barang-barang yang hilang. Asas kepada tuntutan Plaintiff tersebut semasa sitaan terdapat 6 plastik berisi barang kes yang dirampas namun semasa ianya dikembalikan, hanya terdapat 4 plastik sahaja.

[44] Plaintiff menghujahkan bahawa berdasarkan keterangan melalui CCTV (P9), plastik-plastik yang diangkat adalah agak berat yang memerlukan dua pegawai untuk mengangkatnya. Peguam Plaintiff selanjutnya menghujahkan bahawa pegawai-pegawai Defendan turut tidak membuat satu inventori yang lengkap berkenaan berat dan bilangan kasar barang-barang vape yang disita.

[45] Mahkamah mendapati bahawa agak sukar untuk menerima keterangan berkaitan jumlah yang dituntut hanya berdasarkan kepada jumlah plastik serta inferens berkenaan dengan berat plastik tersebut. Walaupun Mahkamah bersetuju bahawa Defendan tidak melaksanakan inventori lengkap, namun Mahkamah turut mendapati bahawa Defendan turut tidak menyediakan senarai barangan yang lengkap bagi menunjukkan barangan yang telah diambil dari Plaintiff serta barangan yang telah dikembalikan kepadanya.

[46] Mahkamah pasti sebagai peniaga, Plaintiff mempunyai senarai terperinci barangan-barangan jualannya. Ini sepatutnya dikemukakan sebagai keterangan yang boleh membuktikan pemilikan barang-barang vape sebelum sitaan dan barangan yang dikembalikan.

[47] Walaupun SP3 semasa memberi keterangan telah menyatakan butiran stok pada waktu rampasan sebanyak RM 145,000.00. Namun Mahkamah mendapati bahawa ini adalah tidak mencukupi bagi membuktikan bahawa barang-barang yang dikembalikan tidak meliputi butiran stok tersebut. Mahkamah tidak boleh membuat inferens sedangkan ianya tidak dibuktikan dengan secara jelas.


[48] Di dalam masa yang sama Mahkamah mendapati bahawa terdapat entiti perniagaan yang berlainan yang merupakan pemilik barang-barang vape yang dirampas. Ini kerana Plaintiff di dalam keterangan ketika pemeriksaan balas mengakui bahawa tuntutan kerugian dibuat adalah di atas nama perniagaan beliau iaitu Duta Empire Resources (DER), namun keterangan Plaintiff juga telah mengakui bahawa barang-barang vape adalah milik perniagaan lain beliau iaitu Vapor Bos (VR).

[49] Bagi Mahkamah keterangan ini mewujudkan keraguan yang nyata sama ada barang-barang vape yang dirampas ini adalah sebenarnya milik DER. Selain daripada keterangan Plaintiff dalam pemeriksaan balas, tiada keterangan lain yang boleh dipertimbang oleh Mahkamah secara imbalan kebarangkalian bagi menunjukkan bahawa kesemua vape dan peralatan adalah milik DER. Malah fakta berkenaan dengan VR dan kaitan VR dengan DER ini tidak langsung diplidkan didalam Pernyataan Tuntutan.

[50] Sehubungan dengan itu, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah gantirugi sebanyak RM 145,000.00 iaitu kerugian bagi kehilangan barang sitaan dan RM 43,500.00 sebagai kehilangan keuntungan barang-barang yang hilang adalah gagal dibuktikan.

[51] Selanjutnya Plaintiff memohon satu gantirugi am yang ditaksirkan oleh Mahkamah. Peguam Plaintiff merujuk kepada keputusan MR di dalam kes *Sambaga Valli KR Ponnusamy v Datuk Bandar Kuala Lumpur & ors and Another Appeal* [2018] 3 MLRA 488 yang menyatakan dengan panjang lebar seperti berikut:

“Special Damages

[18] Special damages, according Lord Macnaghten in the oft-cited case of *Storms v. Hutchison* [1905] AC 515  at 525-526, HL(SC):


“... are such as the law will not infer from the nature of the act. They do not follow in ordinary cause. They are exceptional in character and therefore they must be claimed specially and proved strictly.”

Fathin Nur Syafira bt Pauzi (berniaga di bawah gaya dan nama Duta Empire Resources) lwn Majlis Daerah Pasir Mas [2022] MLJU 3173

[19] Indeed, because of their peculiar nature, the law required a plaintiff to give warning in his pleadings of the items constituting his claim for special damages with sufficient specificity in order that there may be no surprise at the trial. (See *Ong Ah Long v. Dr. S Underwood* [1983] CLJ Rep 300; [1983] 2 CLJ 198; [\[1983\] 2 MLJ 324](#)).

.....

[32] Now, aggravated damages are classified as a species of compensatory damages, which are awarded as additional compensation where there has been intangible injury to the interest of personality of the plaintiff, and where this injury has been caused or exacerbated by the exceptional conduct of the defendant.

[33] The exemplary damages or punitive damages - the two terms now regarded as interchangeable - are additional damages awarded with reference to the conduct of the defendant, to signify disapproval, condemnation or denunciation of the defendant's tortious act, and to punish the defendant. Exemplary damages may be awarded where the defendant has acted with vindictiveness or malice, or where he has acted with a "contumelious disregard" for the right to the plaintiff. The primary purpose of an award of exemplary damages may be deterrent, or punitive and retributory, and the award may also have an important function in vindicating the rights of the plaintiff. (See *Rookes v. Barnard* [1964] 1 All E R 347; *A B v. Southwest Water Services* [1993] All E R 609; *Broome v. Cassell & Co* [\[1971\] 2 Q B 354](#) , *Laksamana Realty Sdn. Bhd. v. Goh Eng Hwa and Another Appeal* [2005] 4 CLJ 871; [\[2006\] 1 MLJ 675](#).)"

[52] Peguam menghujahkan bahawa di dalam kes ini ternyata Defendan telah bertindak di luar bidangkuasa dan berlanjutan dari itu ia telah menyebabkan kesusahan ke atas Plaintiff. Bagi Plaintiff, gantirugi global sebanyak RM 100,000.00 adalah memadai.

[53] Berkaitan gantirugi khas ini, Mahkamah berpegang kepada keputusan kes *Roshairree bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & ors* [\[1996\] 3 MLJ 337](#) di mana Mahkamah Tinggi telah menyatakan:

"While considering the request for exemplary damages, this Court must bear in mind that the objective for an award under this category is to punish the defendants, and to display the Court's indignant attitude towards the acts committed by the defendants.

However, from the enlightening judgment of Lord Devlin in *Rookes v. Bernard* [\[1964\] AC 1129](#) , such damages must be restricted to situations where there are:

"oppressive, arbitrary or unconstitutional action by the servants of the Government" or where "the defendant's conduct has been calculated by him to make a profit for himself which may well exceed the compensation payable to the plaintiff".

Outside these 2 categories, exemplary damages should not be awarded.

In our case, the latter classification does not apply."

[54] Bagi Mahkamah tindakan oleh pihak Defendan perlu dilihat dari perspektif situasi keadaan ketika itu. Penguatkuasaan dilakukan di dalam senario negara berhadapan dengan wabak Covid-19. Secara amnya, [seksyen 63 Akta 171](#) memperuntukkan tanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Tempatan seperti Defendan untuk menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan yang telah diwartakan ke atas PBT tersebut.

[55] Manakala [Seksyen 101\(v\) Akta 171](#) mengkehendaki PBT untuk melakukan perkara yang kondusif untuk keselamatan, keselesaan dan kesihatan orang awam. Ia dinyatakan seperti berikut:

" (1) Selain daripada apa-apa kuasa lain yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa bagi melakukan segala atau mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu:

.....

(v) melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam;"

[56] Perkara ini pernah disentuh di dalam kes *Majlis Daerah Mersing v. Tenaga Nasional Berhad* [2008] 1 LNS 321, di mana Hakim Vernon Ong HMT (pada ketika itu) telah memutuskan:

"In this case the principal issue is whether the third party has general control and care of the said junction. The third party is a local authority within the meaning of [section 1](#) of the *Local Government Act 1976* ('LG Act'). As the local authority for the district of Mersing the third party shall have the general control and care of all places within the district for the use of the public or to which the public shall at any time have or have acquired a common right, (s. 63 LG Act) As the local authority vested with the general control and care of all places within the district of Mersing, the third party is also conferred with the power to do all things necessary for or conducive to the public safety, health and convenience, (s. 101(v) LG Act) On the aforesaid basis, it can be seen that a statutory duty of care is imposed by the LG Act on the third party as the local authority for the district of Mersing to do all things necessary for or conducive to the public safety, health and convenience."

[57] Mahkamah telah meneliti hujahan peguamcara Plaintiff bahawa tiada ketidakpatuhan yang dilakukan oleh Plaintiff yang bertentangan dengan arahan berkaitan kawalan pergerakan yang dikeluarkan ketika itu. Namun Mahkamah mendapati bahawa keterangan yang diberikan oleh SD1 dan SD2 menunjukkan bahawa memang terdapat aktiviti yang dijalankan di dalam premis Plaintiff. Walaupun Plaintiff mendakwa bahawa ia tidak menjalankan perniagaan, namun Mahkamah berpandangan Plaintiff tidak sepatutnya pun menjalankan apa-apa aktiviti di premis perniagaan pada waktu tersebut. Tindakan Plaintiff tersebut jelas gagal mematuhi arahan PKP pada ketika itu.

[58] Di dalam masa yang sama, Mahkamah mendapati bahawa lesen Plaintiff bukanlah bagi penjualan vape. Walaupun Plaintiff dengan panjang lebar mempertikaikan arahan PBN dan dikatakan tidak diwartakan, namun Mahkamah mendapati Plaintiff tersasar di dalam hujahan ini kerana Plaintiff sendiri tidak dilesenkan untuk menjual vape di premis perniagaannya. Sama ada arahan PBN tersebut adalah sah ataupun tidak, ia bukan menjadi isu kerana fakta asas adalah jelas iaitu Plaintiff sememangnya tidak mempunyai lesen bagi penjualan vape.

[59] Keseluruhannya Mahkamah berpandangan bahawa tindakan Defendan secara khususnya SD1 dan SD2 tidaklah boleh dikategorikan sebagai *oppressive, arbitrary or unconstitutional* sepertimana yang dinyatakan di dalam kes **Roshairree bin Abdul Wahab (supra)**, malahan ia dijalankan bagi maksud menjaga kemaslahatan umum masyarakat di kawasan PBT tersebut.

[60] Namun ini tidak bermaksud Plaintiff langsung tidak boleh dipampas. Tambahan pula mengambilkira bahawa Defendan telah mengambil tindakan tanpa memberi pertimbangan ke atas keperluan perundangan. Pampasan adalah perlu bagi memberi peringatan kepada Defendan serta PBT-PBT yang lain bahawa sebarang tindakan yang hendak dilaksanakan oleh PBT perlulah memastikan keperluan minima undang-undang dipatuhi.

[61] Sebagai sebuah badan berkanun yang mempunyai tanggungjawab penguatkuasaan undang-undang, adalah perlu untuk PBT terlebih dahulu menunjukkan sikap sebagai teladan bahawa PBT mematuhi undang-undang. Jika ini gagal dilaksanakan, ia ibarat ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus.

[62] Sehubungan dengan itu, Mahkamah ini berpandangan bahawa jumlah gantirugi yang munasabah sebagai gantirugi am secara global adalah sebanyak RM20,000.00

Kesimpulan

[63] Di atas pertimbangan-pertimbangan ini, Mahkamah memerintahkan seperti berikut:

- (a) satu deklarasi bahawa pengeluaran kompaun bertarikh 3/4/2020 ke atas Plaintiff adalah salah dan tidak teratur serta suatu penyalahgunaan kuasa menurut UUK 2004;
- (b) satu deklarasi bahawa penyitaan barang-barang di dalam premis Plaintiff oleh Defendan pada 3/4/2020 adalah salah dan tidak teratur serta suatu penyalahgunaan kuasa menurut UUK 2004;
- (c) ganti rugi am sebanyak RM 20,000.00; dan
- (d) kos sebanyak RM 20,000.00 tertakluk kepada fi alokatur yang perlu dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff.

End of Document